

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1991/92

Jun 1992

FMT 101 Matematik

Masa: (2 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan dan 7 muka surat yang bertaip.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Tunjukkan bahawa A tak singular

$$A = \begin{bmatrix} 1 & -2 & 1 \\ 3 & -4 & -1 \\ -6 & 4 & 2 \end{bmatrix}$$

(B) Carikan penyelesaian am untuk sistem persamaan linear jika matriks imbuhannya adalah

$$\left[ \begin{array}{ccccccc|c} 1 & -2 & 0 & 5 & 0 & 0 & 0 & 3 \\ 0 & 0 & 1 & 2 & -3 & 0 & 0 & 1 \\ 0 & 0 & 0 & 0 & 0 & 1 & 0 & -2 \\ 0 & 0 & 0 & 0 & 0 & 0 & 1 & 0 \\ 0 & 0 & 0 & 0 & 0 & 0 & 0 & 0 \end{array} \right]$$

(20 markah)

2. Apakah nilai K sekiranya sistem

$$\left[ \begin{array}{ccc|c} 1 & 1 & K \\ 2 & 2 & K \\ 2 & -2 & 8 \end{array} \right] X = \left[ \begin{array}{c} 1 \\ 2 \\ 6 \end{array} \right] \text{ mempunyai penyelesaian yang unik?}$$

Selesaikan sistem yang mempunyai penyelesaian unik tersebut.

(20 markah)

3. (A) Anda memperolehi satu set data berpasangan dalam bentuk ko-ordinat  $(x, y)$ . Terangkan langkah penyelesaian untuk menentukan sama ada data yang diperolehi memenuhi keluk eksponen,  $y = A \cdot b^x$  dan keluk kuasa,  $y = A \cdot x^b$ .

(10 markah)

- (B) Untuk setiap fungsi yang diberikan, selesaikan domain dan julat untuk fungsi  $g$  dan  $F$ . Jika diberikan  $fog = F$ , selesaikan  $f$ .

$$(i) \quad g(x) = \frac{1-x}{1+x} \text{ dan } F = \frac{1+x}{1-x}$$

$$(ii) \quad g(x) = -x^2 \text{ dan } F = \sqrt{a^2 - x^2}; \text{ } a \text{ ialah angkatap}$$

$$(iii) \quad g(x) = x^2 \text{ dan } F = ax^2 + b; \text{ } a \text{ dan } b \text{ ialah angkatap}$$

(10 markah)

4. (A) Daripada satu kajian, keputusan menunjukkan badan manusia mengeliminasikan 10% drug  $y$  pada setiap jam. Jika 200 mg drug  $y$  diberikan setiap 6 jam, hitung

(i) amaun drug di dalam badan selepas 24 jam.

(ii) amaun maksima drug  $y$  di dalam badan.

(10 markah)

(B) Selesaikan had untuk fungsi berikut

(i) had  $\lim_{x \rightarrow \infty} \frac{x^3}{1-x^3}$

(ii) had  $\lim_{x \rightarrow 0} \frac{e^x - 1}{x(1+x)}$

(iii) had  $\lim_{x \rightarrow \infty} \left[ \frac{\sqrt{1+x^2}}{x} \right]^2$

(iv) had  $\lim_{x \rightarrow 1} \frac{1}{\log_e x} - \frac{x}{x-1}$

(10 markah)

5. (A) Jika  $f(x, y, z) = x^2 + \frac{y}{(x-z)} - 4$ ,

carikan nilai

(a)  $f(3, 5, 2)$

(b)  $f_y(3, 5, 2)$

(4 markah)

- (B) Untuk mengukur keluaran jantung individu, 5 mg pewarna disuntik ke dalam vena. Kepekatan pewarna di dalam aorta ditentukan setiap 2 saat selama 22 saat. (Lihat jadual di bawah).

Saat selepas suntikan	0	2	4	6	8	10	12	14	16	18	20	22
Kepekatan (mg/liter)	0	0	0.6	1.4	2.7	3.7	4.1	3.8	2.9	1.5	0.9	0.5

Biar  $c(t)$  mewakili kepekatan dalam aorta selepas  $t$  saat. Gunakan hukum Trapezium untuk menganggarkan nilai  $\int_0^{22} c(t) dt$ .

(7 markah)

- (C) Carikan penyelesaian untuk persamaan pembezaan berikut:

$$y^2 y' = 3t^2$$

(3 markah)

- (D) Sebuah botol sirap asetaminofen disimpan di dalam peti sejuk. Selepas  $t$  jam, suhu sirap menurun dengan kadar  $r(t)$  darjah Fahrenheit per jam, dengan  $r(t) = 12 + 4/(t + 3)^2$ .

- (a) Cari luas kawasan di bawah keluk graf  $y = r(t)$  di antara  $0 \leq t \leq 2$ .  
(b) Apakah yang diwakili oleh luas kawasan di dalam (a) itu?

95 (6 markah)

... 6 /-

6. (A) Selepas beroperasi selama  $t$  jam, sebuah mesin pembuat tablet menghasilkan tablet dengan kadar  $21 - \frac{4}{5}t$  ribu tablet sejam.
- (a) berapa ribu tabletkah yang dihasilkan di antara  $t = 2$  hingga  $t = 5$  jam?
- (b) tunjukkan jawapan untuk (a) di dalam bentuk luas kawasan.

(6 markah)

- (B) Luas permukaan (A) tubuh pesakit diperolehi dengan menggunakan formula berikut:

$A = 0.007W^{0.425} H^{0.725}$  dengan  $W$  dan  $H$  masing-masing mewakili berat tubuh pesakit dalam kilogram dan ketinggian pesakit dalam sentimeter.

Cari nilai-nilai  $A_W$  dan  $A_H$  ketika  $W = 54$  dan  $H = 165$ .

(7 markah)

- (C) Selesaikan pengamiran berikut:

(a)  $\int \ln x \, dx$                           (b)  $\int \frac{(\ln x)^2}{x} \, dx$

(4 markah)

- (D) Buktikan bahawa semua fungsi di dalam bentuk  $y = Ae^{t^3/3}$ , dengan A sebagai pemalar, adalah penyelesaian bagi persamaan pembezaan berikut  $y' - t^2y = 0$ .

(3 markah)

-oo0oo-

